

# Penyelenggaraan fasiliti wujud persekitaran sekolah ceria, selamat

Ukur tahap kecemerlangan sekolah adalah berdasarkan tahap penyelenggaraan fasiliti yang baik. Prestasi sekolah yang baik bukan sahaja dinilai dari segi penilaian kecemerlangan pelajar tetapi persekitaran yang ceria dan menarik.

Umumnya bangunan haruslah selamat dan bebas daripada risiko penyakit berjangkit. Reka bentuk longkang dan saluran air buangan perlu direka agar tidak menampung air. Sirkulasi dalaman yang selamat, pemilihan bahan binaan tidak mencemarkan, tindakan sekiranya berlaku kecemasan atau kebakaran, berupaya menangani masalah banjir, bebas gangguan angin kencang, bebas daripada runtuhan struktur utama dan sistem pendawaian elektrik tidak berbahaya. Ini perlu dititikberatkan dalam proses merkabentuk bangunan sekolah di peringkat awal.



➔  
**MOHAMAD  
AFFENDY  
OMARDIN**

Struktur bangunan perlu bebas dari elemen yang boleh menyebabkan runtuhan dan mendedap. Siling bangunan perlu diperiksa. Tiang dalaman dan luaran yang menyokong struktur utama bangunan perlu diperiksa bagi mengelak kejadian runtuhan bangunan. Minda pelajar akan lebih cergas apabila mempunyai kelas bersih dan teratur.

Perabot diselenggara dengan baik. Keselamatan pelajar perlu dilihat terutama kerusi dan meja belajar yang selesa dan selamat. Elemen air perlu ada bagi menceriaikan suasana. Tanaman berpasu boleh menjadikan sekolah ceria dengan bunga-bunga segar. Pemilihan pokok-pokok yang sesuai perlu bagi memudahkan penyelenggaraan.

## Persekitaran aktif

Selain itu, kantin dan tandas adalah persekitaran yang aktif. Suasana kantin dan tempat makan perlu bersih daripada kotoran dan wabak penyakit bawaan haiwan dan serangga kecil. Susunan meja makan dan kerusi perlu teratur. Dapur menyediakan makanan, sinki dan tandas perlu bersih dan segar. Lantai tidak licin dan berlumut. Tangki dalam tandas perlu diselenggarakan agar tidak bocor. Pengudaraan dalaman perlu segar, sistem perpaipan baik dan tidak bocor.

Penyelenggaraan fasiliti bukan sahaja di bahagian hadapan sekolah tetapi perlu di semua kawasan. Rumput dan persekitaran, dahan pokok dan pokok berpasu perlu dipilih agar tidak berbahaya kepada pelajar dan disusun teratur dan segar mata yang memandangi.

Aliran udara yang baik perlu bagi suasana dipersekitaran kelas. Tanaman herba wangi boleh menjadikan sekolah sebagai satu tempat pembelajaran yang ceria. Pepohon renek dan pepohon buah-buahan boleh menjadikan suasana persekitaran pembelajaran yang terbaik. Bunga segar perlu dikenalpasti bagi mengindahkan kawasan persekitaran sekolah.

Bahagian belakang bangunan sekolah se-

ring diabaikan. Kebanyakan sekolah menjadikan ianya sebagai tempat letak bahan lupus dan tidak boleh digunakan. Ianya boleh menjadi sarang pembiakan serangga dan nyamuk. Selain itu tempat kegiatan jenayah. Sekolah harus bebas daripada gangguan dan kebisingan melampau terutama berdekatan dengan jalan raya yang sibuk. Elemen lembut seperti lanskap air perlu dilihat dan dibersihkan bagi menceriakan persekitaran.

Laluan pejalan kaki, laluan koridor perlu selamat dan mempunyai pencahayaan cerah. Laluan ini selamat terutama apabila murid berjalan ke kelas, kantin, tandas dan perpustakaan. Laluan naik ke tangga bangunan haruslah bersih dan tidak licin. Pencahayaan dan pengudaraan semula jadi adalah perlu bagi keceriaan dan peredaran angin keluar masuk. Elemen struktur seperti tiang, dinding perlu bersih dan bebas daripada bahaya.

Pintu dan tingkap perlu diperiksa dan diselenggarakan. Siling dalaman perlu dilihat tidak menjadi ancaman berbahaya. Penghawa dingin perlu bersih. Lampu perlu ditukar agar pencahayaan dalaman kelas ceria dan terang. Meja dan kerusi perlu diselenggara agar tidak berbahaya kepada pelajar.

## Sedia kemudahan PKU

Sekolah seharusnya perlu mempunyai kemudahan bagi pelajar kurang upaya (PKU). Kemudahan papan tanda, laluan PKU, tandas PKU. Laluan khas bagi kemudahan golongan ini perlu disediakan. Tangga perlu bersih dan tidak licin.

Sekolah perlu ada sistem pencegah kebakaran yang efektif dan mempunyai kaedah menangani semasa kecemasan iaitu laluan kecemasan, tempat berhimpun, alatan pemadam kebakaran. Cara penggunaan alatan pencegah kecemasan perlu didedahkan kepada pelajar.

Bagi sekolah yang mempunyai makmal dan bengkel pembelajaran, langkah keselamatan bagi mengelakkan kemalangan berlaku di bengkel. Lantai persekitaran ruang kerja tidak harus licin.

Laluan trafik perlu diadakan dengan tersusun agar kenderaan dapat diletakkan di tempat yang betul dan selamat. Laluan masuk ke kelas dan ke kawasan sekolah haruslah diadakan. Perlu dipastikan laluan selamat dan tidak mempunyai halangan.

Jadikan diri kita sebagai pengurus fasiliti di sekolah. Tong sampah perlu diadakan di setiap kawasan dan ia perlu ditutup. Nilai kecemerlangan sekolah berasaskan penanda aras lima bintang bagi sekolah yang baik keadaan persekitaran. Pentarafan lima bintang perlu diberi kepada sekolah yang menyelaras dengan baik. Kaedah memotivasikan pelajar dengan mengadakan bulan penyelenggaraan fasiliti boleh mewujudkan rasa selamat berada di sekolah.

Apapun, jadikan sekolah sebagai tempat ceria bagi suasana pembelajaran minda. Kecemerlangan pelajar berakar umbi daripada persekitaran sekolah yang ceria dan selamat.



## Penulis

ialah Pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Malaysia Pahang (UMP)